

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan



EDISI

26

ISSN 1823-6421

ANCAMAN KEPADA REKOD KEWANGAN (BAHAGIAN KE 9)

Oleh: Ahmad Azman Mohamad Ramli

Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

ahmadazman@uitm.edu.my

Dalam artikel keluaran yang lepas, penulis telah membincang dua jenis ancaman yang boleh membahayakan rekod kewangan elektronik yang dimiliki oleh para usahawan. Ancaman tersebut ialah pencerobohan dan kegagalan perkakasan elektronik. Dalam artikel keluaran kali ini, penulis akan menyambung perbincangan dengan memberi tumpuan kepada dua jenis lagi ancaman iaitu kecuai manusia dan gangguan bekalan elektrik.

Kecuaian Manusia

Usahawan berpotensi untuk melakukan kesilapan semasa mengendalikan rekod kewangan elektronik. Kesilapan ini kebiasaannya dilakukan oleh usahawan yang mewujud dan mengedit rekod elektronik. Contohnya, disebabkan ciri rekod elektronik sangat mudah diubah dan dipadamkan, terdapat kemungkinan usahawan secara tidak disengajakan akan mengubah atau memadamkan rekod elektronik yang tidak sepatutnya diubah dan dipadam.

Kandungan rekod elektronik perlulah statik dan tidak boleh diubah-ubah selepas ianya lengkap. Jika kandungan rekod elektronik itu diubah, rekod elektronik tersebut tidak boleh lagi digunakan sebagai bahan bukti dan bahan rujukan. Jika rekod elektronik yang telah dipadam tidak disimpan salinannya, rekod elektronik tersebut telah dimusnahkan.

Kecuaian usahawan semasa pemasangan dan penyelenggaraan sistem komputer juga boleh membahayakan rekod elektronik. Hal ini disebabkan oleh sebarang gangguan pada perkakasan dan perisian sistem komputer boleh menyebabkan rekod elektronik milik usahawan akan dimusnahkan atau dipadam, dipinda, tidak dapat diakses lagi dan sebagainya.



Rajah 1: Kecuaian tertumpah air ke atas komputer

Sumber: <https://bleuwire.com/how-to-repair-a-water-damaged-laptop/>



Gangguan Bekalan Elektrik

Gangguan kepada bekalan kuasa elektrik boleh menjadi ancaman besar kepada rekod kewangan elektronik milik usahawan. Hal ini disebabkan oleh rekod elektronik hanya boleh dibaca atau diakses dengan menggunakan perkakasan atau mesin seperti peralatan komputer. Mesin ini pula memerlukan bekalan elektrik untuk menghidup atau mengaktifkannya. Bekalan kuasa elektrik yang melebihi had yang dibenarkan boleh merosakkan atau memusnahkan peralatan komputer dan peralatan rangkaian komunikasi. Sekiranya peralatan-peralatan elektronik ini rosak atau musnah, ia secara langsung boleh memusnahkan rekod elektronik yang tersimpan pada peralatan tersebut.



Rajah 2: Notis gangguan bekalan elektrik

Sumber: https://twitter.com/tenaga_nasional/status/552166579319803907

Bagaimanapun, sekiranya peralatan elektronik ini langsung tidak menerima bekalan elektrik atau menerima bekalan yang kurang daripada had yang telah ditetapkan, ia juga boleh mengancam rekod tersebut. Hal ini terjadi kerana ketiadaan bekalan elektrik atau bekalan yang tidak mencukupi yang boleh menyebabkan peralatan elektronik yang menyimpan rekod elektronik tidak boleh digunakan atau tidak berfungsi dengan baik. Keadaan ini seterusnya boleh menyebabkan rekod elektronik milik usahawan tidak dapat diakses.

*"merupakan pandangan peribadi penulis"

(Akan bersambung di keluaran hadapan)